

# PENGARUH SOSIOEKONOMI KELUARGA TERHADAP KECICIRAN PELAJAR-PELAJAR INDIA: KAJIAN KES DI DAERAH KUALA MUDA KEDAH

**FAMILY'S SOCIO-ECONOMIC INFLUENCE ON THE DROPOUT OF INDIAN STUDENTS: A CASE STUDY IN THE DISTRICT OF KUALA MUDA KEDAH**

**TH.Subra<sup>1</sup>**

Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG),  
Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia.  
(Email: thsubra@ymail.com )

**Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah<sup>2</sup>**

Prof Madya Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pusat Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.  
(Email: ainuddin@uum.edu.my)

**Kala Devi<sup>3</sup>**

Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG),  
Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia.  
(Email: a.kaladevi@yahoo.com)

**Received date:** 03-09-2019

**Revised date:** 10-09-2019

**Accepted date:** 13-09-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** TH. Subra., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Keciciran Pelajar-Pelajar India: Kajian Kes di Daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91.

**DOI:** 10.35631/IJMTSS.29007

---

**Abstrak:** Masalah keciciran pelajar India wajar diberi perhatian terutama yang melibatkan golongan isi rumah yang berpendapatan rendah (B40). Terdapat pelbagai faktor pendorong kepada keciciran pelajar India di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor sosioekonomi keluarga dan komitmen ibu bapa terhadap keciciran pelajar India. Objektif kajian adalah mengenal pasti pengaruh sosioekonomi keluarga dan komitmen ibu bapa

---

<sup>1</sup> Calon PhD Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

<sup>2</sup> Prof Madya Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

<sup>3</sup>Calon PhD Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

terhadap keciciran pelajar India; mengetahui implikasi kadar keciciran pelajar India dan mengenal pasti langkah-langkah untuk membendung masalah keciciran pelajar India. Kajian ini dijalankan di beberapa kawasan terpilih di Kedah, Malaysia melibatkan pelajar-pelajar India sekolah menengah daerah Kuala Muda, Kedah. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dan kajian ini tidak dapat diperluaskan di negeri-negeri lain kerana penyelidik menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumentasi. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 5 orang pelajar tercincir yang rata-ratanya datang dari keluarga B40. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh sosioekonomi keluarga yang rendah dan kurang komitmen ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak antara penyumbang kepada masalah keciciran pelajar di alam persekolahan. Implikasi keciciran pelajar India turut dibincangkan dan beberapa cadangan dikemukakan untuk mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar India.

### **Kata Kunci:** Pelajar India, Keluarga, Keciciran Pelajar, Pendapatan B40

*Abstract: The problem of dropping out of Indian students should be addressed especially with regard to low-income households (B40). There are many factors driving the dropout of Indian students in schools. The purpose of this study is to examine the socioeconomic factors of the family and the parents' commitment to Indian student dropout. Among its objectives are to identify the socioeconomic influence of the family and the parents' commitment to the dropout of Indian students; learn about the implications of Indian student dropout rates and identify steps to curb Indian student dropout problems. This study was conducted in selected areas in Kuala Muda District of Kedah State, Malaysia involving high school dropout Indian students. This research is qualitative and cannot be extended to other states as researchers use interviewing, observation and documentation research. The respondents to this study were 5 dropout students, mostly from B40 families. The findings of this study found that low socioeconomic influence of parents and lack of parental commitment to children's education caused students to drop out of school. The implications of dropping Indian students are also discussed and some suggestions have been made to reduce dropout rates among Indian students.*

### **Keywords:** Indian Student, Family, Student Dropout, Income B40

---

## **Pengenalan**

Pendidikan merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara dalam membangunkan masyarakat dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Walaupun negara menghampiri tahun 2020 yang telah diilhamkan oleh warga Malaysia sejak tahun 1991 melalui Wawasan 2020, namun pencapaian menyeluruh dan kejayaan masih dipertikaikan sesetengah pihak. Salah satu cabaran yang digariskan dalam Wawasan 2020 adalah kewujudan masyarakat yang progresif dan saintifik. Masyarakat yang progresif dan saintifik hanya dapat diwujudkan apabila rakyat mempunyai pemikiran yang futuristik dan berilmu. Walaupun tidak dinafikan peratusan celik huruf semakin meningkat, namun bilangan kanak-kanak yang masih buta huruf dan kadar keciciran juga semakin meningkat Pertubuhan *Science and Wellness* (SWO) 2019.

Kerajaan telah membuat pelbagai usaha bersepada untuk merapatkan jurang pendidikan, namun fenomena keciciran sekolah tetap menjadi lubuk pembaziran terhadap kemajuan pendidikan di Malaysia. Fenomena ini dapat dilihat dalam masyarakat India di Malaysia di mana mereka memiliki pencapaian pendidikan yang rendah dan jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Laporan Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan terdapat perbezaan yang agak ketara mengenai pencapaian tahap pendidikan kaum India berbanding

dengan kaum lain di Malaysia. Remaja India yang berumur di antara 20-24 tahun menunjukkan 9 peratus yang memiliki pendidikan peringkat rendah manakala masyarakat Melayu menyumbang sebanyak 6 peratus dan masyarakat Cina sebanyak 5 peratus. Golongan belia India yang berumur di antara 25-29 tahun menyumbang sebanyak 13 peratus manakala masyarakat Melayu adalah 9 peratus dan masyarakat Cina mencatatkan sebanyak 7 peratus (Malaysian Indian Blueprint, 2017). Berdasarkan penyelidikan dan statistik dari Pertubuhan *Science and Wellness* (SWO) 2019, ialah 4 daripada 10 orang pelajar India tercicir dari persekolahan disebabkan pelbagai faktor.

Pengabaian dalam pendidikan yang berterusan juga telah menjaskan taraf hidup masyarakat India dari pelbagai aspek sosioekonomi. Oleh itu adalah penting bagi penyelidikan ini mengkaji latar belakang sosio ekonomi masyarakat India yang dijangka ada kaitan dengan keciciran pelajar India. Ramai ahli sosiologi terkemuka seperti Weber dan Max berpendapat bahawa kedudukan sosioekonomi keluarga mempengaruhi cara kanak-kanak dibesarkan daripada persekitaran fizikal dan sosial. Keluarga yang datang dari sosioekonomi tinggi sentiasa mempunyai inisiatif, motivasi yang kuat dan peluang memperoleh kejayaan adalah tinggi. Manakala keluarga yang mempunyai status sosial yang rendah sering dikaitkan dengan kemiskinan, terpinggir daripada arus kemajuan, kehidupan yang getir, keperluan asas yang tidak mencukupi dan mengalami kegagalan hidup, Zakiyah Jamaluddin. (2011)

Situasi ini menyebabkan mereka berputus asa dan sukar untuk menerima kenyataan. Ini menyebabkan mereka tidak dapat merancang masa depan dengan teliti dan menjadi mangsa keadaan sehingga berterusan dalam lingkaran ‘putaran ganas kemiskinan.’ Kemelut ini terus menular dan menjadi wabak serius dalam kalangan masyarakat India sehingga ibu bapa dari sosioekonomi rendah tidak mempunyai cita-cita yang tinggi terhadap masa depan anak-anak mereka. Sungguhpun pelajar mempunyai cita-cita dan aspirasi yang tinggi untuk berjaya dalam pelajaran namun cita-cita mereka tidak akan terlaksana sekiranya ibu bapa mereka tidak memberi sokongan dan dorongan dan akhir sekali mengundang kepada keciciran pelajar India. (Zakiyah Jamaluddin, 2011 & Ganesen 2013)

Kenyataan penyelidik dapat dibuktikan dalam penyelidikan Yayasan Strategik Sosial (2002) fenomena keciciran dalam kalangan pelajar-pelajar India ada kaitan dengan faktor sosioekonomi ibu bapa seperti kemiskinan keluarga, tahap pendidikan yang rendah dan status perkahwinan ibu bapa yang longgar. Kenyataan ini dikukuhkan lagi daripada data Jabatan Statistik Malaysia pada tahun 2016, etnik India mempunyai peratusan tertinggi golongan berpendapatan rendah ‘Bottom 40’ (B40) sebanyak 17.5% berbanding dengan kaum lain. Manakala kadar pengangguran mengikut etnik di Malaysia pada tahun 2017, menjelaskan etnik India mempunyai kadar pengangguran tertinggi berbanding dengan dua etnik yang lain di Malaysia. Etnik India merekod kadar pengangguran sebanyak 4.7% manakala etnik Bumiputera dan Cina merekod kadar pengangguran sebanyak 4% dan 2.4% masing-masing. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat India masih jauh ketinggalan dan tidak mampu bersaing seiring dengan kaum lain untuk mengecapi kemajuan diri laporan (SWO 2019).

Oleh itu, peranan ibu bapa aalah penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak mereka kerana menurut Siti Hasmah Mohd Ali (Utusan Malaysia, 21 April 2001), anak-anak sebagai pewaris generasi akan datang perlu dilatih dan dibimbing dengan cara yang betul. Ibu bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab memberi pendidikan formal yang sepatutnya kepada anak-anak supaya mereka tidak terpinggir dari arus pembangunan. Intervensi dan sokongan keluarga juga akan membantu individu dalam membina keyakinan diri untuk menempuh cabaran dan mencapai kecemerlangan akademik. Anak-anak juga seharusnya menyedari

mereka perlu mempunyai jalinan hubungan yang kukuh dengan ibu bapa agar mereka sentiasa berinteraksi dengan positif dalam mencapai kecemerlangan akademik (Nooraini Othman & Salasiah Khairollah, 2013).

### **Permasalahan Kajian**

Keseriusan masalah keciciran dalam kalangan pelajar India wajar diberi perhatian dan perlu ditangani agar masalah ini tidak menjadi isu utama negara. Kerajaan perlu memberi penekanan terhadap faktor-faktor pendorong tahap sosioekonomi keluarga yang rendah serta kekurangan komitmen ibu bapa yang merupakan indikator utama kepada keciciran pelajar dan seterusnya mengundang kepada pelbagai gejala sosial lain seperti keruntuhan akhlak, kemudaratan moral diri, anti sosial dan sebagainya. Menurut Jamie (2011) dan Zainah et al. (2013), pelajar tercicir kurang mendapat perhatian di rumah kerana sistem kekeluargaan yang tidak berfungsi dengan baik mendorong mereka terpengaruh dengan pelbagai masalah sosial yang lain menjadikan mereka lebih tertekan dan mempengaruhi tingkah laku negatif. Kesannya di Malaysia, kaum India menyumbang tahap gejala sosial tertinggi berbanding dengan kaum lain (Laporan PDRM, 2019) yang dicetak dalam penyelidikan Pertubuhan *Science and Wellness* (SWO) 2019.

Menurut Ganesen (2013) dan Gunasekaran (2003) masalah keciciran ini berpunca daripada faktor sosioekonomi keluarga yang rendah kerana sebahagian daripada ibu bapa tidak dapat menyediakan keperluan asas seperti kemudahan persekolahan dan tidak prihatin terhadap keperluan pembelajaran anak-anak. Ini kerana berdasarkan penyelidikan pendapatan isi rumah oleh Jabatan Statistik Malaysia pada tahun 2016, etnik India mempunyai peratusan tertinggi golongan berpendapatan rendah '*Bottom 40*' (B40) sebanyak 17.5% berbanding dengan etnik lain. Manakala bagi kadar pengangguran peratusan tertinggi dicatat oleh etnik India sebanyak 6.9% sedangkan etnik- etnik lain berupaya untukkekalkan kadar di bawah 5%. Kemiskinan yang berpunca daripada pendapatan yang rendah dan tidak mempunyai pekerjaan tetap membuatkan mereka tidak mampu menampung segala perbelanjaan sekolah terutamanya yang mempunyai bilangan anak yang ramai. Tahap sosioekonomi keluarga yang kurang mengizinkan menyebabkan pelajar-pelajar India tidak mempunyai dorongan untuk belajar serta lama-kelamaan, budaya ponteng sekolah dan kerja sambilan menjadi turutan sehingga menggalakkan keciciran pelajar dari sekolah. Florence S. (2014)

Ekoran dari isu ini, penyelidik berpendapat usaha-usaha bagi mengurangkan keciciran pelajar India masih belum boleh dianggap berjaya. Walaupun pelbagai keadaan telah digunakan untuk mengatasi fenomena ini. Oleh itu faktor sosioekonomi keluarga dan langkah-langkah untuk membendung isu ini perlu dikaji semula dari semasa ke semasa. Antara faktor keciciran adalah tahap sosioekonomi masyarakat India yang rendah telah dibincangkan seperti di atas. Dari situ, kajian ini cuba untuk mengenal pasti sejauh mana aspek sosioekonomi keluarga seperti latar belakang pendidikan ibu bapa, kemiskinan, struktur keluarga dan pendapatan keluarga memberi kesan kepada keciciran pelajar. (Zakiyah Jamaluddin 2010, 2011 & Ed Gillis 2014)

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk meneroka dan mengenal pasti punca-punca yang mempengaruhi keciciran pelajar India di daerah Kuala Muda serta menentukan hubungan faktor sosioekonomi keluarga dan komitmen ibu bapa dengan keciciran pelajar India. Oleh itu, kajian dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- i) Mengenal pasti sama ada faktor sosioekonomi keluarga dan komitmen ibu bapa mempengaruhi keciciran pelajar India .

- ii) Mengetahui dan mengenal pasti implikasi kadar keciciran pelajar India
- iii) Mengenal pasti langkah-langkah untuk membendung masalah keciciran pelajar India.

### **Persolan Penyelidikan**

Berikut adalah soalan-soalan kajian berdasarkan objektif-objektif kajian di atas:

- i) Sejauh manakah faktor sosioekonomi keluarga dan komitmen ibu bapa mempengaruhi keciciran pelajar India .
- i) Apakah implikasi kadar keciciran pelajar India
- ii) Apakah langkah-langkah yang dapat dikenalpasti dalam membantu membendung masalah keciciran pelajar India.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menyelami faktor-faktor yang mendorong kepada keciciran pelajar India di sekolah menengah. Penyelidikan-penelitian lepas banyak mengkaji isu keciciran ini secara global namun para akademik masih tidak memahami sifat kedalamannya masalah ini. Oleh itu penyelidikan ini bertujuan untuk menyelidik secara terperinci punca utama keciciran pelajar India dan bagaimana masalah ini memberi kesan buruk kepada masyarakat India secara khususnya. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu ibu bapa, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menentukan langkah yang terbaik untuk menangani masalah ini di peringkat akar umbi. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk mencari teori atau kerangka model yang sesuai untuk mengatasi masalah keciciran. Seterusnya ia akan dapat mengurangkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat India dan membantu pelajar India kekal bersekolah sehingga menamatkan pendidikan sekolah menengah serta meningkatkan prestasi pencapaian akademik.

### **Sorotan Karya**

Beberapa kajian lepas telah dijalankan untuk melihat pengaruh faktor sosioekonomi terhadap keciciran pelajar-pelajar. Pengaruh latar belakang sosioekonomi keluarga terdiri daripada tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan keluarga, saiz keluarga dan status sosioekonomi keluarga (SSE).

Menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Ishak Haron (1977) Mohd Yusoff e.l (2013), terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang sosioekonomi kelurga terhadap tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar dari aspek kelas sosial yang berbeza, kawasan tempat tinggal dan kumpulan etnik yang berbeza. Dalam kajian beliau pengaruh yang paling ketara ialah kelas sosial di mana pelajar yang datang dari kelas sosial yang tinggi berpeluang mendapat pendidikan yang jauh lebih baik berbanding dengan pelajar dari kelas sosial yang rendah. Kajian ini selari dengan kajian Ganesen, (2013) & Gunasekaran, (2003) faktor sosio ekonomi keluarga yang kurang menyerlah mempengaruhi anak-anak untuk mencapai tahap akademik yang baik.

Perkara ini dibuktikan dalam kajian Puvanesvaran & Rajendran (2004) faktor kewangan yang tidak mengizinkan menyebabkan para ibu bapa atau penjaga memberhentikan persekolahan anak-anak kerana tidak dapat menampung perbelanjaan persekolahan mereka dan menggalakan anak-anak untuk bekerja sambilan bagi mengurangkan masalah sosio ekonomi

keluarga. Kekurangan pendapatan ibu bapa dan masalah kewangan keluarga menyebabkan anak mula bekerja sambilan sebagai pencuci kereta, pembantu gerai-gerai di pasar malam dan kerja-kerja buruh di kawasan perumahan yang berdekatan untuk menambah nafkah hidup keluarga dan ia berkesudahan dengan anak-anak tidak meneruskan pendidikan kerana terpedaya dengan pendapatan yang lumayan. Dengan kata lain, kitaran kemiskinan ini terus berulang dan diwarisi oleh anak-anak India yang akan menerima nasib yang sama seperti ibu bapa mereka yang menjadi tenaga buruh dan ketinggalan dari arus pembangunan negara. Menurut Puvanesvaran & Rajendran (2004) lagi, faktor sosio-ekonomi yang rendah menjadi punca utama kepada keciciran sekolah di kalangan komuniti India. Kemunduran sosia ekonomi masyarakat India berlarutan walaupun migrasi berlaku sejak beberapa abad dan ia ternyata dalam penyelidikan Muniandy M. Elangko (2015) faktor ini telah memberi pelbagai kesan negatif yang berterusan kepada komuniti India sehingga kini dan terus berlarutan mengekalkan komuniti India dalam golongan B40.

Selain itu, artikel yang ditulis oleh Sateesh Gouda (2014) menyatakan bahawa latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa ada kaitan dengan tahap pencapaian anak-anak. Dalam artikel beliau, pelajar-pelajar dari keluarga yang berkemampuan dan mempunyai ibu bapa yang berpelajaran bernasib baik kerana peluang untuk pelajar tersebut menghabiskan pelajaran di peringkat tinggi adalah tinggi dan terjamin. Ibu bapa tersebut akan berusaha untuk memastikan anak-anak dapat mencapai tahap pendidikan yang tertinggi. Manakala pelajar-pelajar dari keluarga yang tidak berkemampuan dan ibu bapa yang tidak berpelajaran pula berkemungkinan tidak dapat membimbing anak-anak mereka dalam pelajaran dan masalah kewangan boleh menjadi halangan untuk memberikan peluang pendidikan yang terbaik kepada anak-anak. Ini kerana menurut Ganesan (2013), ibubapa yang mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah terdedah kepada kehidupan yang mencabar menyebabkan mereka tidak dapat berfokus kepada pendidikan anak-anak dan mendorong kepada keciciran kerana kekurangan daya tahan untuk mengharungi cabaran hidup tersebut. Ia juga mencetuskan kurang minat dalam pendidikan dan mengambil langkah untuk berhenti sekolah.

Berbalik kepada artikel dari Sateesh Gouda (2014), dilaporkan kadar keciciran anak-anak kepada ibu bapa yang tidak berpelajaran adalah empat kali lebih banyak daripada keciciran anak-anak kepada ibu bapa yang berpelajaran. Ia juga diperhatikan bahawa sekiranya ibu bapa tidak bekerja dan tidak berkemampuan, kadar keciciran di kalangan anak-anak mereka adalah agak tinggi. Berdasarkan statistik dari Jabatan Statistik Malaysia tahun 2019, 4 daripada 10 orang pelajar India mengalami keciciran dari persekolahan disebabkan pelbagai masalah sosial. Hanya 5% daripada pelajar India Malaysia yang mampu mencapai pendidikan di peringkat tinggi. Pencapaian nasional adalah pada purata 7.5%. Seramai 10000 pelajar tercincir dari persekolahan sebelum peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun, telah dilaporkan dalam laporan (SWO 2019). Angka ini agak membimbangkan kerana dalam jangka masa panjang, ia akan memberikan kesan yang buruk kepada seluruh lapisan masyarakat India di Malaysia.

Menurut Santhiran (1999), keadaan sosial keluarga juga turut mempengaruhi tahap pendidikan anak-anak. Keluarga kelas sosial atasan meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap masa depan anak-anak, sentiasa bekerjasama dan berusaha untuk memastikan kejayaan anak-anak yang tinggi menggunakan. Anak-anak juga mempunyai sifat kendiri dan keyakinan yang tinggi untuk berjaya dalam hidup. Sifat ini bertentangan dengan anak-anak dalam keluarga sosial bawahan yang mempunyai kendiri yang rendah dan kurang berkemampuan untuk mengharungi cabaran. Ini kerana ibu bapa mereka tidak memberi sepenuh perhatian terhadap pelajaran anak-anak, ibu bapa menaruh harapan yang tipis terhadap masa depan anak, komunikasi yang

terbatas dan meletakkan peraturan anak-anak nengikut perintah mereka. Ini menunjukkan ibu bapa pelajar SSE rendah lebih mementingkan peraturan hidup daripada memberi pembelajaran terbaik kepada anak-anak. Bagi pandangan mereka peraturan sahajalah anak-anak terselamat di dalam dunia mereka yang dianggap kejam. Ia jelas menunjukkan ibu bapa dari SSE rendah lebih mengutamakan survival anak-anak mereka daripada pendidikan.

### **Skop Kajian**

Kajian ini mengkaji pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap Keciciran pelajar-pelajar India di daerah Kuala Muda. Hubungan kefungsian keluarga dengan keciciran pelajar India dalam kajian ini dilihat menerusi Pendekatan Ekologi Keluarga. Kajian ini hanya memberi fokus terhadap ekologi keluarga kerana pendidikan bermula dari rumah dan pelajar membesar dan mendapat didikan dan bimbingan dari ibu bapa dan ahli keluarga yang menjadi tunjang untuk mencapai pendidikan. Menurut Bruyere & Garbarini (2010) prinsip perkembangan manusia berlaku dalam konteks saling hubungan manusia dengan persekitarannya. Segala proses yang berlaku antara individu mempunyai kaitan rapat dengan perubahan dalam perkitaran sosial (Brofenbrenner, 1979). Pelbagai halangan boleh menghadkan peluang pelajar mendapat pendidikan seperti faktor kemiskinan dan tahap sosioekonomi yang rendah (Duncans & Brooks, 2000), perhubungan ibu bapa dan anak yang longgar (Aufseeser et al., 2006; Freysteinsdottir, 2004; Swick & Williams, 2006) dan kefungsian ibu bapa yang kurang bekesan (Low & Mulford, 2012). Oleh itu, selaras dengan hasrat kajian ini maka penyelidikan ini mengkaji sejauh mana tahap sosioekonomi keluarga memberi kesan langsung terhadap keciciran pelajar. Berdasarkan tinjauan kajian tersebut berikut merupakan pemboleh ubah kajian yang dijangka berkait rapat dengan keciciran pelajar seperti perstukturran keluarga, faktor latar belakang keluarga, status sosioekonomi keluarga dan kualiti hubungan ibu bapa dan anak. Oleh yang demikian dengan mengkaji faktor-faktor dalam sosioekonomi keluarga, pengaruh positif dan negatif ke atas keciciran pelajar dapat ditentukan. Sampel kajian ini dihadkan kepada 5 orang pelajar-pelajar India yang tercicir dari sekolah menengah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan di tiga kawasan yang terpilih seperti bandar, pinggir bandar dan estet di Daerah Kuala Muda. Daerah ini dipilih kerana mempunyai pelbagai ciri yang boleh memenuhi persoalan dalam objektif kajian. Seramai 5 orang pelajar tercicir sekolah menengah telah ditemu bual untuk menjawab dengan lebih jelas soalah-soalan berkaitan cara hidup responden bersama dengan keluarga. Oleh itu kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Penyelidik telah menyediakan soalan-soalan temu bual berkaitan latar belakang sosio-ekonomi pelajar dan komitmen ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak untuk tujuan pungutan data kajian. Selain itu penyelidik juga telah mendapatkan pandangan beberapa orang seperti pihak NGO, polis, kaunselor sekolah, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah dan pegawai-pegawai SEDIC & MITRA (Malaysia Indian Transfomation Unit). Temu bual ini dijalankan untuk menyelami suasana sukar serta cabaran yang dilalui responden membawa kepada keciciran serta dokumen-dokumen seperti buku, artikel, jurnal dan akhbar sebagai mengukuhkan kajian responden.

## **Hasil Dapatan Kajian**

### ***Faktor Sosioekonomi Keluarga Dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Keciciran Pelajar India***

Penglibatan ahli keluarga amat diperlukan untuk membentuk dan memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Namun hubungan kekeluargaan yang longgar akan menyumbang kepada pelbagai masalah sosial dalam kalangan anak-anak (Wan Hassan & Siti Norlina Muhamad). Dapatan kajian mendapati responden yang membesar dalam keluarga asas mahupun keluarga luas menunjukkan pola perkembangan yang negatif dari segi pencapaian akademik. Sokongan sosial daripada ahli keluarga asas dan luas dianggap tidak signifikan dalam memastikan pembangunan sahsiah dan perkembangan pendidikan responden. Ketua isirumah gagal memberi panduan yang konsisten dalam membentuk keperibadian yang positif dan terkawal.

Hasil temu bual dengan responden juga mendapati pekerjaan dan pendapatan keluarga mempunyai hubungkait dengan keciciran sekolah. Dapatan kajian ini selari dengan Gunasekaran (2003), Nor Eazrin Zaini (2004) dan Benneth Arold (2008) di mana pekerjaan dan pendapatan sesebuah isi rumah juga mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik. Mereka menyatakan bahawa keluarga yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk memberi pendidikan yang cemerlang atau pelbagai kemudahan dan peralatan pembelajaran yang sesuai untuk mendorong anak-anak mereka belajar dengan sempurna. Penyelidik juga mendapati kesemua responden menganggap kesempitan kehidupan memaksa mereka untuk berhenti sekolah dan membantu keluarga membuat kerja-kerja sambilan terutama di kawasan bandar. Mereka kurang yakin dengan kemampuan diri mereka kerana kekurangan usaha diberikan dalam proses pembelajaran.

Menurut Bracey (2003), gaya hidup sebegini membuatkan pelajar tidak dapat memperuntukkan masa untuk mengulangkaji ataupun menyiapkan kerja rumah dan kesannya mereka tidak mampu menunjukkan tahap ketahanan diri yang tinggi untuk mencapai aspirasi dan nilai yang positif ke arah kecemerlangan akademik. Kekurangan dorongan ini memberi kesan kepada ketahanan diri remaja yang boleh menimbulkan gangguan kepada proses perkembangan pemikiran seperti yang dinyatakan oleh Holloway (2003). Kajian ini menyokong apa yang diutarakan oleh Rosly Abas (2014) kebanyakan responden dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka amat memerlukan sokongan ibu bapa bagi menyediakan peruntukan kewangan untuk membiayai pembelajaran. Ini memberi gambaran bahawa responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak yakin dengan kemampuan untuk meneruskan pembelajaran kerana dibelenggu dengan kedudukan kewangan keluarga yang terbatas.

Selain itu, faktor tahap pendidikan ibu bapa juga turut mempengaruhi tahap ketahanan diri responden terhadap pencapaian akademik mereka. Dapatan temu bual mendapati kehidupan dalam keluarga luas mahupun keluarga asas tidak memberi impak positif terhadap ketahanan diri pelajar yang mempengaruhi pencapaian akademik (Puvanesvaran & Rajendran (2004) Ganesan (2013). Fakta ini mungkin dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh ahli keluarga. Dalam dapatan kajian ini ibu bapa responden hanya memperoleh pendidikan awal di sekolah rendah dan berkelulusan setakat PMR dan jarang sekali mengetahui hal pelajaran anak-anak. Penyelidik berpendapat ibu bapa responden kurang keyakinan diri menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk mengajar, menyemak kerja sekolah dan menyelesaikan masalah pembelajaran anak-anak kerana tidak memahami sukanan pelajaran sekolah menengah. Ibu bapa menganggap bahawa tugas mereka selesai setakat menghantar

anak ke sekolah. Mereka juga tidak melibatkan diri dalam mana-mana program atau aktiviti sekolah seperti Program Jaya Waris dan Mesyuarat PIBG.

Menurut Yap Yoke Fong (2000), Nor Eazrin (2004), Ruzina Jusoh (2005), Najeemah Moh Yusof (2010) dan Abdul Razak (2011), semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak. Selain itu, menurut Abdul Razak Zakaria (2011) ibu bapa yang mempunyai tahap keyakinan serta aspirasi yang tinggi akan lebih bersedia untuk memberikan sokongan moral kepada anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa yang berpendidikan tahu akan kepentingan motivasi terhadap anak-anak. Motivasi ibu bapa merupakan salah satu aspek yang penting dalam memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik untuk anak-anak di rumah maupun di sekolah. Hamidah Sulaiman (2004) & Ganesen (2013) menyatakan ibu bapa yang berpendidikan mampu memberi dorongan dan keyakinan kepada anak-anak untuk menempuh kejayaan pada masa hadapan.

Seterusnya dapatan kajian juga mendapati ibu bapa yang kurang komited tentang pelajaran anak-anak boleh membawa kepada keciciran sekolah. Kesibukan kedua-dua orang ibu bapa bekerja lebih masa atau membuat kerja tambahan untuk mencari nafkah hidup yang secukupnya bagi menampung perbelanjaan keluarga. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa kesuntukan masa untuk memantau perkembangan pelajaran anak-anak kerana kebanyakan masa diperuntukkan untuk mencari pendapatan tambahan bagi menampung keluarga (Heng Gi Wa (2000). Keadaan ini dalam jangka masa panjang oleh menjelaskan ikatan kekeluargaan dan anak-anak membesar tanpa mendapat bimbingan dan dampingan ibu bapa secukupnya. Keadaan boleh menjadi lebih buruk apabila anak memberontak atau menyendiri yang akhirnya mengganggu perkembangan emosi dan sosial mereka. Situasi ini memberi kesan terhadap minat untuk belajar berkurangan dan berakhir dengan keciciran sekolah. Banyak kajian kekeluargaan menunjukkan kepentingan menyediakan ikatan yang kukuh dan jalinan emosi antara anak dan ibu bapa mempunyai kesan lebih besar kepada pembelajaran serta perkembangan mental si anak (Marini Kasim & Nor Shafrin Ahmad, 2019)

### ***Implikasi Kadar Keciciran Pelajar India***

Mengikut laporan SWO (2019) 72% daripada ahli geng kongsi gelap di Malaysia adalah dari etnik India. Seramai 28926 ahli kongsi gelap India telah dikenal pasti sehingga kini. Etnik India mempunyai kadar tertinggi gangsterisme di Malaysia. Gangsterisme merupakan isu besar dihadapi masyarakat India dan ianya menyebar dengan cepat di kalangan generasi muda. Pengaruh rakan sebaya dan keinginan untuk menjadi prominent dalam usia muda menjadi dorongan untuk terjebak dalam gejala kongsi gelap. Ini secara tidak langsung memberikan implikasi besar apabila minat untuk belajar tidak lagi dalam diri individu tersebut menyebabkan kadar keciciran dari sekolah semakin meningkat dan berminat untuk menyertai kumpulan kongsi gelap yang menjanjikan pendapatan haram yang lumayan.

Ini dibuktikan melalui penyelidikan Annathurai (2016) masalah sosial komuniti India berada pada tahap yang merumitkan sebegitu dalam penyelidikan Malliga (2013) yang disokong dengan data dari Polis Diraja Malaysia menunjukkan sebanyak 33 peratus komuniti India terlibat dalam gejala sosial di Malaysia jika dibandingkan dengan populasi kaum India di Malaysia iaitu sebanyak 7.7 peratus sahaja. Kenyataan ini terbukti dalam penyelidikan Rohana (2010) yang dirujuk oleh Karthegas (2017) yang dikeluarkan oleh pihak PDRM pada tahun 2010 hampir 45 peratus penghuni di penjara Simpang Renggam terdiri daripada masyarakat India. Keadaan ini merupakan satu petanda yang amat membimbangkan bagi masyarakat India di Malaysia yang asal usulnya berpunca daripada faktor keciciran.

Tambahan juga laporan SWO (2019) menunjukkan alkoholism ataupun penagihan kepada arak merupakan satu lagi implikasi daripada kadar pengangguran dan kemiskinan yang tinggi dalam etnik India. Perbelanjaan purata tahunan etnik India Malaysia untuk arak dianggarkan dalam RM750 juta. Untuk sesuatu perayaan sahaja, perbelanjaan purata dianggarkan sebanyak RM150 juta. Angka ini dijangka meningkat tahun ke tahun. Seperti ‘isi dengan kuku’, penagihan arak lazimnya membuka jalan kepada tabiat buruk lain, terutamanya gejala penagihan dan pengedaran dadah. 14% daripada penagih dadah yang dilaporkan pada tahun 2010 adalah dari masyarakat India manakala lebih daripada 29000 masyarakat India Malaysia terjebak dalam pengedaran dan penyeludupan dadah dinyatakan dalam laporan SWO (2019). Statistik ini tidak termasuk tabiat merokok yang semakin tidak dapat dikawal .

Selain itu, Etnik India Malaysia juga mempunyai kadar bunuh diri yang tertinggi di antara etnik di Malaysia. Etnik India merekodkan kadar 3.67 orang bunuh diri daripada setiap 100000 orang. Percubaan untuk membunuh pula dalam julat 30 hingga 35 percubaan setiap 100000 orang, dan kadar ini dijangka bertambah pada setiap tahun. Tujuan utama untuk bunuh diri adalah disebabkan putus cinta, gagal dalam peperiksaan, masalah kewangan dan pengaruh filem. Selain daripada ini, pelbagai implikasi lain yang telah dilaporkan oleh SWO (2019). Antaranya:

- kadar penagihan arak tertinggi (untuk semua kelas masyarakat India)
- kadar pembuangan dan pembunuhan bayi kedua tertinggi
- jangka hayat hidup paling rendah dalam 71.8 tahun (purata nasional adalah 74.5%)
- 60 % jenayah berat dilakukan oleh masyarakat India
- 20% pendera isteri dan kanak-kanak Malaysia adalah dari masyarakat India
- 14% peminta sedekah Malaysia adalah dari masyarakat India
- geng kongsi gelap terbesar Malaysia adalah geng India
- kejadian penagihan dadah tertinggi (berdasarkan nisbah populasi etnik Malaysia)
- 14% kes juvenil Malaysia dari etnik India
- jumlah banduan tertinggi (berdasarkan nisbah populasi etnik Malaysia)
- kurang dari 5% pemohon universiti yang berjaya
- syer paling kurang daripada kekayaan korporat Malaysia dalam 1.5% (Bumiputera: 19.4%, Cina: 38.5%).

### ***Langkah- langkah Mengatasi Masalah Keciciran Pelajar India di Malaysia***

Berdasarkan artikel yang dikeluarkan oleh Institut Hal Ehwal Ekonomi dan Demokrasi (IDEAS) (2017) Malaysia, kebanyakan pelajar yang tercincir dari persekolahan adalah dari keluarga berpendapatan rendah, keupayaan mereka dihalang untuk menaik taraf status sosioekonomi keluarga mereka . Menurut wawancara dengan Menteri Pelajaran Malaysia, Dr. Maszlee Malik pada 29 November 2018, beliau berkata “Sekiranya seorang anak dari keluarga

berpendapatan rendah dan miskin berjaya menjadi siswazah di peringkat universiti, seluruh keluarga secara sendirinya akan terkeluar dari kemiskinan .” Walaupun pernyataan ini agak subjektif, ia adalah benar semata- mata. Apabila seorang berjaya dalam keluarga, yang lain akan terdorong untuk turut berjaya. Seperti yang dibincangkan dalam sub-topik sebelum ini, masalah keciciran pelajar India di Malaysia agak membimbangkan dan langkah-langkah proaktif perlu diambil dengan kadar yang segera untuk mengatasinya.

Selain pelajar, peranan utama mengatasi masalah keciciran ini harus diambil oleh ibu bapa. Ini kerana ibu bapa meluangkan masa yang banyak bersama anak- anak mereka dari kecil sehingga ke ambang persekolahan. Bimbingan dan ilmu agama harus dipupuk dari kecil lagi. Oleh kerana kesempitan kewangan yang dihadapi sekarang, ibu bapa komuniti India terpaksa bekerja untuk menyara keluarga. Pendapatan ayah yang tidak mencukupi memaksa ibu untuk bekerja, membiarkan anak- anak di rumah tanpa perhatian yang cukup. Masa yang diluangkan bersama anak- anak semakin berkurangan.

Apabila anak- anak tidak diberi perhatian, mereka mencari perhatian dari kawan- kawan dan orang lain menyebabkan peluang untuk mereka terjebak dengan gejala sosial tinggi. Ibu bapa komuniti India perlu mencari peluang untuk meluangkan lebih masa bersama anak- anak dan mendidik mereka untuk menjadi berjaya. Kerja rumah perlu disemak dan perjumpaan dengan cikgu sekolah harus dilebihkan. Ilmu keagamaan juga harus diterapkan dalam setiap insan. Ia akan mengajar amalan dan panduan hidup yang penting dan dapat mengelakkan mereka daripada mengambil keputusan yang salah dan tidak bermoral. Penyelidikan ini menyokong apa yang diutarakan oleh Holloway (2003) iaitu anak-anak amat memerlukan sokongan ibu bapa untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi membayai pembelajaran, memberi dorongan secara positif serta memahami dan mendalami jiwa mereka.

Peranan kerajaan amat diperlukan dalam usaha mengatasi keciciran pelajar India di Malaysia kerana kerajaan, terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai peranan dan kuasa yang besar untuk membuatkan sesuatu polisi berjaya. Bersasarkan keluarga B40 komuniti India, pelbagai bantuan dan dermasiswa dapat disalurkan untuk membantu meringankan beban ibu bapa yang tidak berkemampuan. Kebanyakan ibu bapa hanya berkemampuan untuk membayai seorang dua anak. Apabila mereka mempunyai keyakinan bahawa bantuan dan dermasiswa akan diberikan sehingga anak- anak mereka dapat bejaya ke menara gading, ia akan menjadi satu dorongan bak kata pepatah ‘cahaya di hujung terowong’ di mana ibu bapa akan menasihati dan membimbangi anak- anak untuk menghabiskan pelajaran dan tidak mengikuti jejak langkah mereka yang tengah bersusah payah menjalani kehidupan harian. Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin-epemimpin lain yang lebih dekat dengan rakyat haruslah menjalankan peranan masing-masing untuk segera mengesan keluarga yang bermasalah dan berpotensi untuk diberi bantuan. Apabila kesemua jentera kerajaan bekerja untuk perubahan sosioekonomi negara, terutamanya etnik India, pastinya masalah keciciran pelajar India dapat diatasi dari akar umbi.

Kerajaan memberikan pelbagai insentif kepada syarikat dan industri swasta dalam menyumbang sama terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk Malaysia. Antara insentif yang diberikan adalah pengenalan pelepasan cukai kepada usahasama pihak swasta dalam program kerajaan. Di bawah usaha ini, pihak swasta boleh mendapatkan pelepasan cukai apabila membina, menyumbang ataupun menderma kepada kepentingan kerajaan seperti pendidikan, perumahan dan usaha-usaha lain. Cukai yang akan dibayar oleh pihak swasta kepada kerajaan akan dilepaskan apabila jumlah tersebut digunakan untuk memberi dermasiswa kepada pelajar- pelajar terpilih. Baru- baru ini, Yayasan YTL menyumbangkan

jumlah yang besar kepada pelajar-pelajar universiti sebagai dermasiswa untuk mengaji pengajian tinggi di peringkat diploma . Ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat. Seperti YTL, banyak lagi yayasan swasta, kerajaan mahupun badan agama memberikan bantuan dermasiswa untuk pendidikan. Tetapi, kebanyakan usaha murni ini disalurkan kepada pelajar B40 di peringkat kolej dan universiti sahaja. Bantuan ini harus disalurkan bermula dari peringkat pra-sekolah untuk membantu usaha sekolah dan ibu bapa dalam membentuk pelajar- pelajar ini sejak kecil untuk menjadi insan yang berjaya.

Masalah keciciran pelajar India di Malaysia juga boleh diatasi berdasarkan pelbagai inisiatif yang pernah dilakukan di negara lain. Negara maju dan negara membangun kedua-duanya menghadapi masalah keciciran pelajar di persekolahan dan mempunyai pelbagai pendekatan untuk menangani masalah ini. Salah satu pendekatan yang berjaya adalah '*Perry Preschool Programme*' yang telah berjaya dibuat sejak tahun 1962 . Dalam pendekatan yang disasarkan kepada keluarga Amerika – Afrika, kanak-kanak yang berumur di antara 3 – 4 tahun diletakkan dalam dua kumpulan. Mereka dipilih berdasarkan pelbagai kriteria pemilihan. Kumpulan yang disasar diberikan pendidikan dan perhatian awalan bermutu tinggi, manakala kumpulan yang satu lagi tidak diberikan pendidikan dan perhatian awalan.

Penyelidikan oleh Pra-sekolah Perry mendapati kumpulan yang diberikan pendidikan dan perhatian awalan menunjukkan peningkatan sebanyak 20% untuk bergraduat dari sekolah menengah. Program tersebut menghasilkan lebih 19 orang pelajar bergraduan untuk setiap 100 orang. Pendekatan tertumpu sedemikian dapat dilakukan di kalangan etnik India di Malaysia kerana situasinya adalah hampir sama dengan situasi keluarga Amerika – Afrika yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan tidak berpendidikan. Pelaksanaan di peringkat kerajaan juga adalah mudah di Malaysia kerana kumpulan tersasar B40 telahpun dikenalpasti. Pendekatan ini hanya perlu diperkenalkan dengan lebih teratur bersasarkan anak- anak India yang dipilih untuk mendapatkan pendidikan dan perhatian bermutu tinggi.

Terdapat program lain juga dilakukan di negara lain seperti '*First Things First*' yang dijalankan di sekolah yang dipilih . Kumpulan belajar kecil ditubuhkan merangkumi cikgu, pelajar dan ahli keluarga yang mempunyai komunikasi yang baik. Setiap guru diamanahkan untuk berhubung dengan pelajar dan keluarga untuk menolong dan membimbing pelajar tersebut secara dekat. Guru-guru yang terlibat juga berkerjasama untuk membuatkan komunikasi dalam kelas lebih berdua hala. Program ini dapat memupuk kehadiran yang tinggi, kadar bergraduan yang tinggi dan peratusan yang berjaya berbanding dengan sekolah yang tidak terlibat. Di Malaysia, kebanyakan sekolah mempunyai usaha ke arah program seperti '*First Things First*' tetapi masih tidak dapat disempurnakan dengan baik disebabkan pelbagai faktor. Program-program berimpak seperti ini perlu diberikan perhatian wajar dan Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menyediakan SOP yang sepatutnya untuk menangani masalah keciciran pelajar, khususnya pelajar India di Malaysia. Pelbagai langkah- langkah lain boleh diambil dan boleh ditambahbaik dalam mengatasi keciciran pelajar India di Malaysia. Semua lapisan masyarakat India perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam mengatasi kadar keciciran di kalangan pelajar India.

## Kesimpulan

Penyelidikan ini membincangkan secara menyeluruh faktor- faktor yang dikaitkan dengan keciciran pelajar India di Malaysia. Objektif penyelidikan kualitatif ini tercapai dengan menyorotkan faktor- faktor yang menyebabkan kadar keciciran tinggi dalam etnik India, implikasi kadar keciciran tinggi dalam etnik India dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini. Berdasarkan hujah- hujah yang diberikan, jelas aspek demografi

masyarakat India memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keciran pelajar India di Malaysia.

## Rujukan

- Abdul Razak Zakaria. (2011). Hubungan konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya (tidak diterbitkan)
- Annathurai, Kasinadan (2016) Tirukkural dalam kurikulum Bahasa Tamil sekolah rendah dan menengah: Satu persepsi dan realiti ke arah pembentukan insan holistik. PhD thesis, University of Malaya. (tidak diterbitkan)
- Aufseeser, D., Jekielek, S & Brown, B. (2006). The family environment and adolescent well-being: exposure to positive and negative family influences. Child Trends and The National Adolescent Health Information Center. June.
- Bracey (2003) Teachers around the World, Gerald W. Bracey First Published Volume: 85 issue: 3, page(s): 253-254 Issue published: November 1, <https://journals.sagepub.com>
- Daymon, C., & Holloway, I. (2003). Qualitative research methods in public relations and marketing communication. London: Rout ledge.
- Duncan (Greg J.)and Jeanne Brooks-Gunn Family Poverty (2000), Welfare Reform, and Child Development ,Child Development, January/ February 2000, Volume 71, Number 1, Pages 188-196
- Ed Gillis (2014) Reconsidering Dropout Prevention By Understanding Dropouts Queen's University Kingston, Ontario, Canada
- Edmund Bruyere and James Garbarino ( 2010) The Ecological Perspective on the Human Rights of Children, Springer Science+Business Media B.V. 2010
- Florence S. (2014). Analisis masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di Sekolah Menengah Melalui Kaedah Pedagogi Hermeneutik. p. 3-24.
- Freysteindottir, F. J. (2004). Risk factor for repeated child maltreatment. PhD Thesis, University of Iowa, USA.
- Ganesen (2013), Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah Menengah Rendah. Ph.D thesis, University of Malaya.
- Gunasekaran, K. (2003). Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar India di Tampin. Kertas Projek. Universiti Malaya.
- Hamidah Sulaiman. (2004). Peranan ibu bapa membantu anak-anak yang tidak bermotivasi. Keluaran Khas Sempena 100 Tahun UM. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamidah Sulaiman; Siti Salina Abdullah; Farrah Dina Yusop. (2004)Peranan Ibu Bapa dan Guru dalam Membantu Pelajar-pelajar yang Menghadapi Masalah Pencapaian Akademik. Volume 27, No. 1, 2004 - MyJurnal - Malaysian Citation Centre
- Heng Gi Wa. (2000). Pengaruh sosioekonomi keluarga dan sikap pelajar terhadap pencapaian akademik: Satu kajian di Melaka. Disertasi Sarjana Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.
- Health Population of Adolescents. Philadelphia College of Osteopathic Medicine Dissertation, Bolton.
- Holloway, J. H. 2003. Addressing the needs of homeless Students. Educational Leadership 60(4):89- 91.
- Ishak haron (1977), Social class and educational achievement in plural society: Peninsular Malaysia. Unpublished Ph.D Thesis, University of Chicago.
- Jamie, M. B. (2011) Psychological Factors Associated with Bullying Typologies in a Mental Karthegees, Ponniah (2017) Pemikiran Kritis Dan Amalannya Dalam Masyarakat India Berpendidikan Tamil Di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkural. Tesis PhD. Universiti Malaya. (tidak diterbitkan)

- Low, S. & Mulford, C. (2012). Used of a social-ecological framework to understand how and under what conditions family violence exposure affects children's adjustment. *Journal of Family Violence*. doi: 10.1007/s10896-012-9486-5
- Malliga R. (2013). Muppal Vazhiyil. Kuala Lumpur: Indirani Enterprise.
- Marini Kasim & Nor Shafrin Ahmad. (2019) Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 16 (No. 1) June 2019: 233-256 Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia
- Mohd Yusoff Mohd Nor; Sufean Hussin, (2013) Demokrasi pendidikan : Dilema sekolah kecil dan sekolah berpusat. Penerbit Universiti Malaya,. ©2013 Kuala Lumpur.
- Muniandy, M. Elangko (2015) Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000). Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). Bahasa dan sempadan etnik dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah menengah di Malaysia. Kuching: Koleksi Persidangan.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairullah (2013). Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan, International Journal of Islamic Thought. Vol. 4: (Dec.) 2013.
- Nor Eazrin Zaini. (2004). Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Banting, Pahang. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Puvanesvaran (2004) Faktor yang menyebabkan keciciran pelajar India di Kuala Selangor. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rajanthiran (2004) Faktor yang menyebabkan keciciran pelajar India di Kuala Lumpur [sic] Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rosly Abas (2014) Impak Kelompok Devian Terhadap Tingkahlaku Juvana: Kajian Kes Di Bandaraya Georgetown,Pulau Pinang Ijazah Sarjana Sastera (Kerja Sosial) Universiti Utara Malaysia
- Rohana Yusof. (2001). Asas Sains Sosial dari perspektif sosiologi. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruzina Jusoh. (2005). Perkaitan pencapaian akademik dan gaya keibubapaan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah menengah di USJ Subang Jaya. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Sampson, Robert J, and Charles Loeffler. 2010. "Punishment's Place: The Local oncentration of Mass Incarceration." *Daedalus Summer*: 20-31.
- Santhiram,R. (1999). Education of minorities: The case of Indians in Malaysia. Petaling Jaya: Child Information and Learning Centre.
- Sateesh Gouda M. & T. V. Sekher. 2014. Factors leading to school dropouts in India: An analysis of national family health survey-3 data. *International Journal of Research & Method in Education* 4(6): 75-83.
- Swick, K. J. & Williams, R. D. (2006). An analysis of Bronfenbrenner's bio-ecological perspective for early childhood educators: implications for working with families experiencing stress. *Early Childhood Education Journal*, 33(5), 371- 378. doi: 10.1007/s10643-006-0078-y
- SWO The Malaysian Indian Community. 2019. Pertubuhan Science and Wellness, Malaysia.
- Wan Hassan Wan Embong, & Siti Norlina Muhamad. (2006). Kesedaran terhadap peranan bapa kepada anggota keluarga mempengaruhi gejala keruntuhan akhlak remaja. Dlm Abdul Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Penyt.), Krisis dan konflik institusi keluarga. Kuala Lumpur: Utusan.

- Werner EE. Resilient children. *Young Children*. 2000; 1:68–72. Publication Type: Journal Articles; Reports -By Research Emmy E. Werner, Ph.D, Professor of Human Development and Research Child Psychologist, University of California at Davis, California.
- Yap Yoke Fong. (2000). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi dengan pencapaian akademik. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37, 5-20.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2013). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27: 137-149.
- \_\_\_\_\_. Malaysia sebagai Negara Maju. 2019. Pejabat Perdana Menteri, Malaysia.
- \_\_\_\_\_. Pelan Induk Sekolah-Sekolah Tamil abad ke-21. (2001). Yayasan Strategik Sosial.
- \_\_\_\_\_. Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia. (2017). Malaysian Indian Blueprint.
- <https://www.dosm.gov.my>
- <http://www.ideas.org.my/>
- <https://www..mitra.gov.my./>